

21 JAN 2002

Sukan-Hishammuddin (KOAM)

KOAM PERLU GUNA SALURAN SEDIA ADA UNTUK SELESAI MASALAH

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) dinasihatkan menggunakan saluran yang sedia ada dibawah Akta Pembangunan Sukan 1997 bagi menyelesaikan masalah mereka tanpa melibatkan pihak lain.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata cadangan badan induk itu menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, bagi mempertimbangkan keputusan Pesuruhjaya Sukan bukan satu tindakan yang bijak.

"Perdana Menteri sentiasa terbuka untuk menerima apa jua cadangan, pandangan atau memorandum, tetapi kalau mereka (KOAM) tidak melihat kepada undang-undang yang sedia ada, bagaimana mereka hendak membetulkan undang-undang yang telah ditetapkan kepada organisasi dan persatuan mereka.

"Kalau itu sendiri dibelakangkan, saya menasihatkan mereka supaya melihat kepada saluran sedia ada dan menggunakannya. Saya tidak memilih bulu.

"Sebab saya sendiri melaksanakan tanggungjawab ini berlandaskan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada. Dan ini akan saya lakukan tanpa kepentingan mana-mana pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Sukan Bermotor Negara 2002 di sini hari ini.

Majlis KOAM, dua hari lepas, memutuskan untuk menghantar memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya memimbangkan keputusan Pesuruhjaya Sukan untuk membatalkan atau menggantung pendaftaran mereka.

Terdahulu, Pesuruhjaya Sukan Datuk Mahamad Zabri Min dijangka mengumumkan hari ini tindakan yang akan dikenakan terhadap KOAM, hasil daripada cadangan Pasukan Petugas Khas yang dibentuk Kementerian Belia dan Sukan untuk membetulkan keadaan olahraga negara.

Di bawah Fasal 20 (2) Akta Pembangunan Sukan 1997, Pesuruhjaya Sukan sebelum membatalkan atau menggantung pendaftaran badan sukan di bawah subseksyen 20 (1), hendaklah memberi peluang kepada badan sukan itu mengemukakan sebab, jika ada, menentang pembatalan atau penggantungan yang dicadangkan itu.

Hishammuddin berkata KOAM mempunyai tempoh dua minggu untuk mengemukakan laporan mereka daripada surat tunjuk sebab yang diberikan oleh Pesuruhjaya Sukan.

"Pada peringkat ini (memberi surat tunjuk sebab), Menteri tidak terlibat...tetapi selepas dari itu, mereka boleh membuat rayuan kepada saya selaku Menteri Belia dan Sukan," katanya.

Mengikut Fasal 21 (1), mana-mana badan sukan yang terkilan dengan keputusan Pesuruhjaya, boleh dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan Pesuruhjaya itu, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri berhubung rayuan itu adalah muktamad.

Sementara itu, Presiden KOAM Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza ketika ditemui di sini hari ini, berkata badan itu akan tetap menghantar memorandum kepada Perdana Menteri kerana ia adalah persetujuan sebulat suara Majlis KOAM pada mesyuarat, Sabtu lepas.

"Buat masa ini, saya belum menerima apa-apa daripada Pesuruhjaya Sukan, termasuk surat tunjuk sebab. Selepas menerimanya saya akan kaji terlebih dahulu, sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Kita akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri hari ini atau esok. Sebenarnya persatuan tidak menghadapi masalah...masalah ini timbul

kerana segelintir pegawai-pegawai dalam KOAM.

"Kerana mulut badan binasa. Pegawai-pegawai nakal ini patut sedar apa yang telah berlaku...insaf dan bertindaklah untuk kebaikan dan membawa balik penghormatan kepada KOAM.

"Ini penting kepada saya bahawa isyaratnya sudah sampai. Dulu pun kita ada terima, tetapi ini satu isyarat yang benar, lampu merah dah sampai. Kalau perlu undur...undur, jangan bawa masalah kepada organisasi dan orang lain," katanya.

-- BERNAMA

ERE AZZ ZB